



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 2 TAHUN 2012**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara – Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara

Semua Pusat Gaji

**PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN  
BAYARAN KHAS PRESTASI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN  
AWAM PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012**

**1. TUJUAN**

1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut :

- i. Imbuhan Tahunan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana; dan
- ii. Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

1.2 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2012.

**2. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

- 2.1 Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang perlu dibayar hendaklah dikira berasaskan kepada gaji pokok (termasuk elaun memangku) bagi bulan Julai 2012 atau gaji akhir yang diterima dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012; dan
- 2.2 Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang ditetapkan adalah sebanyak setengah ( $\frac{1}{2}$ ) bulan gaji atau minimum RM500.00.

**3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

- 3.1 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan dibayar pada **9 Ogos 2012**. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi :

3.1.1 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan tidak dipotong dari amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang hendak dibayar, tetapi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tersebut akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan digalakkan untuk menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan

berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

### 3.1.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Di bawah tafsiran ‘Upah’ dalam Seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

### 3.1.3 Bayaran Bagi Pegawai di Bawah Sistem Gaji Berkomputer (*Payroll*)

Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dimana gajinya dibayar melalui *Payroll* perkara berikut hendaklah diambil perhatian dan tindakan :

- i. Pejabat Perakaunan (Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan dua (2) laporan iaitu :
  - a) **Laporan Perkiraan Bonus** sebagai ganti Borang Perubahan Gaji (SG20); dan
  - b) **Laporan Pegawai Tidak Aktif** (T42 dan T49).
- ii. Kementerian/ Jabatan hendaklah **menyemak** amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar seperti dalam **Laporan Perkiraan Bonus** terutama sekali mereka yang tidak layak menerimanya dan mereka yang hanya layak menerimanya secara pro-rata (*proportionate*) seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan

Bilangan 5 Tahun 2012. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/ Jabatan mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan;

- iii. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang tidak tersenarai dalam **Laporan Perkiraan Bonus** tetapi terdapat pada **Laporan Pegawai Tidak Aktif** (T42 dan T49) dimana gajinya masih diproses dalam *Payroll* di Jabatan lama, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibayar oleh Jabatan lama. **Bagi proses Tindakan 42 (T42) bayaran dibuat melalui Payroll manakala bagi proses Tindakan 49 (T49) bayaran dibuat melalui baucar berasingan**; dan
- iv. Merujuk kepada para 17 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2012, bagi tujuan mengelakkan berlaku keciciran bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang telah bertukar keluar tetapi gajinya masih dibayar di Jabatan lama, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibayar oleh Jabatan lama.

#### 4.1.4 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bagi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain.

4.1.5 Pelarasan Untuk Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Kementerian/ Jabatan dalam tahun 2012.

4.1.6 Kod Urusniaga

- i. Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bulan Ogos 2012 adalah seperti berikut :

<b><u>KOD SODO</u></b> (Baucar Bayaran)	<b><u>KOD ELAUN</u></b> (Payroll)	<b><u>PERIHAL KOD SODO</u></b>
17101	1070	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam.
17201	1070	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan.
53101	1070	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap.
17103	1071	Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama.
17203	1071	Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan.

- ii. Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran berkaitan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibuat pada bulan-bulan berikutnya bersama bayaran gaji (sekiranya perlu) adalah seperti berikut :

<b><u>KOD SODO</u></b> (Baucar Bayaran)	<b><u>KOD ELAUN</u></b> ( <i>Payroll</i> )	<b><u>PERIHAL KOD SODO</u></b>
17101	1056	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam.
17201	1056	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan.
53101	1056	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap.
17103	1501	Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama.
17203	1501	Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan.
17101	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam.
17201	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan.

<u>KOD SODO</u> (Baucar Bayaran)	<u>KOD ELAUN</u> (Payroll)	<u>PERIHAL KOD SODO</u>		
17103	1532	Pelarasan	Bayaran	Khas Prestasi Jawatan Utama.
17203	1532	Pelarasan	Bayaran	Khas Prestasi Pasukan Keselamatan.

#### 4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbadanan Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN**  
**Akauntan Negara Malaysia**

**27** Julai 2012

**s.k :**

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Akauntan/ Bendahari Negeri
3. Ketua Eksekutif LHDN
4. Pengurus Besar KWSP